

**SENARAI RINGKASAN PROJEK KUMPULAN KIK YANG TELAH
BERTANDINGAN DALAM KONVENSYEN KIK TAHUN 2018 DAN 2019**

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
1	Kumpulan Bujang 3 KIK Tahun 2019 Mewakili Sektor Operasi, Ibu Pejabat Ketua Kumpulan: Kdr (M) Amri A. Raof amri@mmea.gov.my	Tajuk: Kits 4 Water Masalah yang dikaji adalah ketiadaan bekalan dan tempat simpanan air tawar dan bersih bagi kegunaan anggota bot. Kits 4 Water adalah sebuah alat bekalan air tawar yang tahan panas dan mempunyai kapasiti menyimpan air sebanyak 10 liter padu serta mudah alih. Aplikasi / kegunaan Projek: bot
2	Kumpulan The Stars KIK Tahun 2019 Mewakili AMSAS Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Hasbullah Omar hasbullahomar@mmea.gov.my	Tajuk: Enforcement Kit Masalah yang dikaji adalah penguatkuasaan undang-undang yang kurang cekap. Kumpulan The Stars telah mengenalpasti punca masalah ini ketiadaan sumber rujukan undang-undang di kapal dan bot. Enforcement Kits adalah sebuah buku rujukan undang-undang persekutuan yang terpilih yang mudah dirujuk, senang difahami untuk kegunaan warga Agensi di lapangan. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi di lapangan
3	Kumpulan The Guardian KIK Tahun 2019 Mewakili MN Sembilan & Melaka Ketua Kumpulan: Lt (M) Aieri Nizzam Norizan aeirinizzam@mmea.gov.my	Tajuk: Body Uplift Canvas (BUVAS) 2.0 Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangkat mangsa atau mayat di laut. BUVAS 2.0 merupakan alat mengangkat mayat yang telah ditambahbaik (projek asal: BUVAS KIK tahun 2018). Ianya lebih menjimatkan masa dan meningkatkan kecekapan proses kerja anggota di lapangan. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
4	Kumpulan Subang Boys Group KIK Tahun 2019 Mewakili SUMS Ketua Kumpulan: Lt (M) Mohd Muzaifa Adnan muzaifa@mmea.gov.my	Tajuk: Distress Balloon Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengesan mangsa dari helikopter semasa proses mencari dan menyelamatkan. Kelewatan mengesan mangsa boleh menyebabkan kematian di laut. Distress Balloon merupakan alat yang dapat meningkatkan potensi mengesan mangsa yang mana dapat dilihat dari jarak 3km pada ketinggian 300 kaki dari paras laut menggunakan helikopter berbanding tanpa Distress Balloon jarak penglihatan mangsa hanya 1.5km. Peralatan ini mampu bertahan di laut sekurang-kurangnya 7 hari berbanding peralatan keselamatan sedia ada seperti PLB, Flare Gun, Dye Marker yang mempunyai jangka masa lebih singkat. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat
5	Kumpulan Eagle 5 KIK Tahun 2019 Mewakili MN Sabah Ketua Kumpulan: Lt (M) Mohd Asri Zahari asrizahari@mmea.gov.my	Tajuk: Smart Fenders Foam 2.0 Masalah yang dikaji adalah <i>fenders</i> yang sering pecah (<i>fenders</i> adalah peralatan kapal / bot yang menyerap hentakan apabila merapat di jeti). Projek KIK ini menambahbaik Smart Fenders Foam versi pertama untuk meningkatkan ketahanannya. Smart Fenders Foam 2.0 menggunakan bahan kitar semula iaitu badan bot kilat yang tidak digunakan. Ia lebih tahan lasak berbanding <i>fenders</i> versi pertama yang mudah koyak di bahagian lubang yang diletakkan tali. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal / bot
6	Portable Ladder Platform KIK Tahun 2019 Mewakili MN Perak Ketua Kumpulan: LTM (M) M. Yasier	Tajuk: Portable Ladder Platform Masalah yang dikaji adalah keselamatan anggota semasa <i>boarding</i> bot nelayan

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	Sufi Sabri Zamuri yasier@mmea.gov.my	dan semasa operasi carilamat. Sea boat di kapal digunakan untuk merapat ke bot nelayan atau melaksanakan pemeriksaan di kawasan cetek. Walau bagaimanapun, penggunaan sea boat memerlukan kren untuk mengangkat dan menurunkannya serta mengambil masa sebelum operasi dapat dilaksanakan. Portable Ladder Platform merupakan tangga mudah alih yang lebih flexible untuk anggota turun dan naik ke kapal dan menjimatkan masa serta menjamin keselamatan anggota. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal
7	Kumpulan Great Innovation KIK Tahun 2019 Mewakili Sektor Operasi, Ibu Pejabat Ketua Kumpulan: Lt (M) Mohamad Hasni Lizarus mohamadhasni@mmea.gov.my	Tajuk: Peralatan Mengambil Mayat dari Air Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangkat mangsa atau mayat di laut dan ketiadaan peralatan yang khusus. Penggunaan peralatan yang tidak sesuai boleh menjejaskan imej agensi apabila tular di sosial media. Peralatan mengambil mayat dari air ini mampu menjimatkan masa dan mengurangkan tenaga kerja dalam operasi mengangkat mayat, tanpa menjejaskan keadaan mayat. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat
8	Kumpulan Mawa 3229 KIK Tahun 2019 Mewakili MN Johor Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) Ng Jye Kae ngjyekae@mmea.gov.my	Tajuk: Vessel's Flooding Alarm System Masalah yang dikaji adalah kebanyakan kapal / vessel tiada sebarang alat bantuan untuk mengesan dan memberi amaran sekiranya berlaku banjir di <i>bilges</i>. Banjir tersebut boleh menyebabkan vessel tenggelam. Bagi vessel yang tiada alat bantuan <i>bilges alarm</i>, anggota atau kru hendaklah memeriksa bilges kapal dari semasa ke

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		semasa, yang mana sukar dilaksanakan terutama pada waktu malam dan cuaca buruk. Vessell's Flooding Alarm System adalah alat penggera bunyi apabila paras mencapai paras tertentu buzzer bebunyi dan LED bernyala. Alat ini diperbuat dari komponen utama seperti paip PVC dan pelampung tandas dengan kos tidak lebih RM100 yang menjimat berbanding harga dari vendor yang lebih mahal (puluhan ribu ringgit). Aplikasi / kegunaan Projek: kapal
9	Kumpulan Utuh KIK Tahun 2019 Mewakili MN Sarawak Ketua Kumpulan: Mohd Hafizi Shamsuri hafizishamsuri@mmea.gov.my	Tajuk: Alat Penghalau Unggas Masalah yang dikaji adalah adalah jeti / premis sering kotor dan berbau disebabkan oleh najis burung (terutamanya burung layang-layang di Ibu Pejabat Maritim Negeri Sarawak). Kos penyediaan dan penyelenggaraan jaring penghalang burung adalah tinggi (puluhan ribu ringgit). Alat penghalau unggas yang dicipta melibatkan kos rendah tidak lebih RM100 dan mengeluarkan bunyi untuk menakutkan dan menghalau burung-burung dari bertenggek dan mencemar kawasan sekitar jeti. Aplikasi / kegunaan Projek: kawasan sekitar pejabat
10	Kumpulan Conficient KIK Tahun 2019 Mewakili MN Kelantan Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) M. Farez Zawwani Yunus mohdfarez@mmea.gov.my	Tajuk: MCG Stress Test, Index & Profiling Dasar 3 K (Kesegakan, Kecergasan dan Kesihatan) di APMM mewajibkan semua pegawai dan anggota uniform menjalani ujian cergas (UC) sebanyak dua (2) kali setahun dan pemeriksaan <i>body mass</i> (BMI). Anggota yang gagal dalam BMI dan UC akan dipantau dan perlu menjalani proses pemulihan. Walau bagaimanapun, anggota yang gagal

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		disebabkan hypertensio tiada diberi program kesinambungan dan mereka hanya digalakkan membuat pemeriksaan lanjut di klinik atau hospital. Sehubungan itu, masalah yang dikaji adalah anggota yang menghadapi hypertension. Projek ini mencipta ujian dan saringan yang boleh mengukur personaliti, psikologi, tahap untuk profiling anggota. Aplikasi / kegunaan Projek: pengurusan sumber manusia (latihan) dan / atau pengurusan kaunseling
11	Kumpulan Kompas Selatan KIK Tahun 2019 Mewakili MN Selangor Ketua Kumpulan: LTM (M) Mohd Yusaini Minhat mohdyusaini@mmea.gov.my	Tajuk: Alat Amaran Kebanjiran Mudah Alih Masalah yang dikaji banjir luar jangkaan yang berlaku di aset APMM dan bot eksibit. Kebanjiran tersebut boleh menyebabkan bot eksibit tenggelam dan mengalami kerosakan yang akan menjejaskan siasatan kes. Projek ini merupakan alat amaran banjir dan telah didaftarkan di bawah Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) dengan no pendaftaran LY2019004854 pada 27 Ogos 2019. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal / bot
12	Kumpulan Brotherhood KIK Tahun 2019 Mewakili AMSAS Ketua Kumpulan: Lt (M) Mohd Firdaus Jaafar mohdfirdausj@mmea.gov.my	Tajuk: Flooding Alarm Sensor Masalah yang dikaji tiada sistem pengawasan banjir khususnya di aset APMM dan bot-bot tahanan. Projek ini merupakan alat sensor banjir untuk mencegah risiko banjir di kapal dan bot serta sesuai dijadikan alat bantuan mengajar di AMSAS. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal / bot

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
13	Kumpulan TG KIK Tahun 2019 Mewakili MN Pahang Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) Jumadi Romah jumadiromah@mmea.gov.my	Tajuk: Cylinder Rat Guard Masalah yang dikaji adalah mengelakkan cubaan tikus mendiami di kapal kerana haiwan tersebut merosakkan makanan rangsum dan sistem pendawaian kapal. Tikus didapati memasuki kapal melalui tali tambatan kapal. Terdapat beberapa kaedah untuk membasmi masalah tikus seperti perangkap, racun dan infrasonar. Walau bagaimanapun, Kumpulan TG memilih kaedah Rat Guard dan mengubahsuai bentuknya supaya dapat digunakan kepada semua tali. Struktur Cylinder Rat Guard yang licin menyebabkan tikus tergelincir apabila memanjatnya. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal / bot
14	Kumpulan Team Pengalang KIK Tahun 2019 Mewakili MN Perak Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) Mohd Shahrizan Hashim shahrizanhashim@mmea.gov.my	Tajuk: P13 Fan Speed Masalah yang dikaji adalah masalah bot Penggalang untuk mencapai kelajuan dan enjin akan panas (melebihi 90C) jika kelajuan pada 12 knot melebihi 5 minit. Bot Penggalang merupakan bot pemintas laju yang diperolehi pada tahun 2011. Selepas lebih 8 tahun digunakan, bot tersebut tidak dapat laju seperti dahulu yang mana menjejaskan kejayaan operasi. Punca masalah telah dikenalpasti dan pengudaraan ke bilik enjin bot ditingkatkan dengan menggunakan <i>blower fan</i> supaya pembakaran lengkap. Aplikasi / kegunaan Projek: bot Penggalang
15	Kumpulan The Bright KIK Tahun 2019 Mewakili Sektor Pengurusan, Ibu Pejabat Ketua Kumpulan: Laksma (M) M. Sabri Mohamed	Tajuk: SMART 3K @ MCG 2.0 Projek SMART 3K@MCG V2.0 merupakan penambabbaikan terhadap program JOM 3K dan Sistem MyBMI. Projek ini menyediakan pangkalan data

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	mohdsabri@mmea.gov.my	yang lebih menyeluruh termasuklah data-data ujian kecergasan serta laporan dan analisa data-data tersebut melalui platform Sistem Pengurusan Maritim (SPM) bagi memudahkan capaian sendiri oleh setiap warga APMM. Aplikasi / kegunaan Projek: semua pegawai dan anggota uniform dan pengurusan sumber manusia
16	Kumpulan Tidal Wave KIK Tahun 2019 Mewakili MN Pulau Pinang Ketua Kumpulan: Lt (M) Ahmad Fazli Mohd Yusof ahmadfazli@mmea.gov.my	Tajuk: Body Transfer Net Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangkat mangsa atau mayat di laut. Body Transfer Net merupakan alat mengangkat mayat yang dapat mengurangkan masa operasi, mengurangkan risiko menjejaskan mayat dan mengurangkan kos melalui penggunaan jaring. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat
17	Kumpulan Helang Utara KIK Tahun 2019 Mewakili MN Kedah & Perlis Ketua Kumpulan: Puan Najwa Abdul Kadir najwa@mmea.gov.my	Tajuk: Pencalonan APC Maritim Projek ini bertujuan untuk melibatkan semua warga Pejabat Maritim Negeri (tanpa mengira gred atau jawatan) untuk pencalonan APC secara online. Sebelum ini, pencalonan hanya dilakukan oleh Ketua Seksyen / Ketua Unit melalui penggunaan borang yang disediakan oleh Unit Sumber Manusia. Outcome projek ini adalah mencetuskan semangat dan motivasi kepada warga Maritim Negeri agar sentiasa memberi perkhidmatan terbaik. Aplikasi / kegunaan Projek: pengurusan sumber manusia
18	Kumpulan Tekad KIK Tahun 2018 Mewakili AMSAS Ketua Kumpulan: Lt M) Azman bin Md	Tajuk: Paparan Maklumat di FOB tidak efisien Masalah yang dikaji adalah permasalahan

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	Elah @ Mazalah azman@mmea.gov.my	kelengkapan Forward Operation Base (FOB) yang dihadapi oleh kebanyakan Maritim Negeri dan Zon Maritim. F.O.B Smart Board merupakan meja mudah alih yang direka untuk kegunaan meja carta, <i>incident board</i> (paparan maklumat kejadian) dan banner siding media. Ianya ringan, boleh dilipat dan mudah dibawa ke mana sahaja dan dimuatkan dalam kereta. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi / carilamat
19	Kumpulan Venomous KIK Tahun 2018 Mewakili MN Sabah & Labuan Ketua Kumpulan: Puan Evi Damayanti bt Idris evidadamayanti@mmea.gov.my	Tajuk: Sistem Pengurusan Dokumen Pelupusan Aset Alih dan Aset Lucut Hak Masalah yang dikaji adalah kesukaran untuk mengenal pasti dokumen pelupusan, kesukaran mengenal pasti di mana peringkat proses pelupusan telah dilaksanakan sama ada telah selesai atau tidak dan kesukaran mencari dokumen-dokumen yang diperlukan kerana penyimpanan rekod pelupusan yang dirangkumkan secara pukal. Strategi penyelesaian yang digunakan adalah menggunakan warna-warna tertentu untuk setiap dokumen pelupusan, kelebihan pelaksanaan dokumentasi ini memudahkan unit pengurusan aset atau sesiapa sahaja mengenal pasti peringkat pelaksanaan pelupusan hanya dengan melihat dari sisi fail sahaja berdasarkan perbezaan warna. Aplikasi / kegunaan Projek: pengurusan aset
20	Kumpulan The Guardian KIK Tahun 2018 Mewakili MN Melaka & N. Sembilan Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Nurul Syuhada Hafeeza bt Ab Karim nurulsyuhada@mmea.gov.my	Tajuk: Body Uplift Canvas (BUVAS) Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangkat mangsa atau mayat di laut. Mayat yang ditemui kebiasaannya akan diangkat dengan menggunakan jarring,

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		fenders, tali, boat hook dan menggunakan tangan ke atas aset APMM. BUVAS dicipta untuk mempercepatkan proses kerja mengangkat mayat dan secara sistematik. Komponen utamanya terdiri daripada kanvas PVC. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat
21	Kumpulan Marudu 3222 KIK Tahun 2018 Mewakili MN Johor Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Mohamed Zahid bin Mohamed Zahari zahidzahari@mmea.gov.my	Tajuk: My-CO Observation Tools My-CO Observation Tools merupakan kaedah secara online untuk Pegawai Memerintah Kapal memantau aktiviti harian pegawai dan anggota kapal. Tujuan utamanya adalah supaya maklumat rondaan harian dan maklumat kehadiran direkod dan dihantar kepada Pegawai Memerintah, walaupun bertugas di pejabat atau urusan luar. Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal / bot
22	Kumpulan Bistarian KIK Tahun 2018 Mewakili MN Sabah & Labuan Ketua Kumpulan: Lt (M) Syed Ramzi bin Sy Abdullah syedramzi@mmea.gov.my	Tajuk: Alat Menjalin Tali Masalah yang dikaji / dihadapi adalah tiada alat khusus untuk menjalin tali. Sebelum ini anggota kelasi menggunakan kayu yang diubahsuai bagi kerja-kerja berkenaan. Alat baru yang dicipta diperbuat daripada barangan kitar semula. Alat ini mengurangkan masa bekerja dari 45 minit kepada 20 minit dan mengurangkan tenaga kerja dari 3 orang orang seorang sahaja. Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal / bot
23	Kumpulan Optima KIK Tahun 2018 Mewakili Sektor Pengurusan Ibu Pejabat (BSM) Ketua Kumpulan: Kepten (M) Zin Azman bin Md Yunus zin@mmea.gov.my	Tajuk: Pertukaran Online Projek ini merupakan penambahbaikan kepada pengurusan permohonan pertukaran Pegawai Penguat Kuasa Maritim APMM sedia ada yang mana dilaksanakan secara manual.

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		Permohonan pertukaran sedia ada hendaklah dimajukan ke Bahagian Sumber Manusia, Ibu Pejabat melalui pos. Projek ini membangunkan pengurusan permohonan pertukaran dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui HRMIS. Faedah pelaksanaan pertukaran secara online adalah ianya lebih telus dan mempercepatkan proses kerja. Aplikasi / kegunaan Projek: Pengurusan sumber manusia
24	Kumpulan Hogoh KIK Tahun 2018 Mewakili MN Pahang Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Mahadi bin Ismail mahadiismail@mmea.gov.my	Tajuk: Mengatasi Pembaziran Limpahan Air Semasa Mengisi Air Tawar Kapal Masalah yang dikaji adalah pembaziran limphan air tawar semasa mengisi air tawar ke kapal. Kumpulan Hogoh telah mencipta <i>Fresh Water Auto Nozzle</i> yang akan secara automatik menghentikan pengaliran air setelah mengesan tangki telah penuh. Ilham penciptaan produk ini adalah daripada <i>fuel nozzle</i> yang digunakan di stesen-stesen minyak. Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal
25	Kumpulan Q-SEF KIK Tahun 2018 Mewakili Sektor Operasi Ibu Pejabat Ketua Kumpulan: Kdr (M) Mohd Hashim bin Mat Zain mohdhashim@mmea.gov.my	Tajuk: Peralatan Mengambil & Mengangkat Mayat di dalam Air Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangkat mangsa atau mayat di laut / air. Kumpulan Q-SEF telah mencipta peralatan yang dinamakan EzCatch yang dapat mempercepatkan operasi mengangkat mayat kepada 30 minit sahaja. Aplikasi / kegunaan Projek: operasi carilamat
26	Kumpulan Tidal Wave	Tajuk: Rope securing Devices (RSD)

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	KIK Tahun 2018 Mewakili MN P. Pinang Ketua Kumpulan: Lt Muda (M) Muhammad Khairul Azhar bin Ahmad khairulazhar@mmea.gov.my	Masalah yang dikaji adalah tali tambatan kapal sering tercicir keluar dari kapal ketika cuaca buruk, operasi menggeledah dan kapal keluar dari pelabuhan. Keciciran tali tambatan tersebut boleh menyebabkan kerosakan kepada kapal sekiranya tersangkut pada <i>propeller</i> atau <i>impeller</i>. Produk yang dicipta dinamakan <i>Rope Securing Device</i> (RSD) yang berfungsi untuk mengelakkan tali tambatan tercicir keluar dari kapal. Komponen utamanya terdiri daripada aluminium rod dan tapak dengan anggaran kos RM610.00 Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal
27	Kumpulan Silver Surface KIK Tahun 2018 Mewakili MN Perak Lt Muda (M) Muhammad Safwan Bin Salim safwan@mmea.gov.my	Tajuk: Portable Solar Power Supply (PSPS) Masalah yang dikaji adalah terputus bekalan elektrik bagi bot jenis Rigid Hulled Inflatable Boat (RHIB) seperti bot Kilat dan Petir yang mana sumber elektrik hanya sel basah bagi menggerakkan peralatan elektrik. Bekalan elektrik yang terputus akan memberi risiko kepada anggota terutamanya dari segi komunikasi dan navigasi terutamanya pada waktu malam. Kumpulan Silver Surface telah mencipta <i>Portable Solar Power Supply</i> (PSPS) sebagai bantuan kecemasan. PSPS dapat dicaskan semula dengan cahaya matahari. Anggaran kos produk ini adalah RM500 berbanding bateri sel basah di antara RM2,000 hingga RM3,000.00 Aplikasi / kegunaan Projek: bot
28	Kumpulan Tim KIK Pelupusan KIK Tahun 2018 Mewakili Sektor Pengurusan Ibu Pejabat (Bhg. Aset) Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) Mohd Sahrin bin Idris	Tajuk: Pelupusan secara tukar barang / perkhidmatan (<i>Barter Trade</i>) bagi bot nelayan lucut hak Masalah yang dikaji / dihadapi adalah bot yang ditahan dan dilucut di bawah Akta

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	mohdsahrin@mmea.gov.my	Perikanan 1985 terikat dengan dasar yang ditetapkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia iaitu tidak boleh dijual dan mesti dimusnahkan. Kos yang terlibat untuk musnah secara menenggelamkan adalah sebanyak RM20,000/sebuah. Kos tersebut tinggi untuk Agensi melaksanakan pelupusan mengikut dasar yang ditetapkan. Sehubungan itu, Agensi ini mengambil pendekatan melaksanakan pelupusan kaedah “musnah secara 0 kos” yang mana Agensi tidak perlu mengeluarkan sebarang bayaran. Pembida yang berjaya akan memberikan perkhidmatan melupuskan badan bot nelayan lucut hak secara musnah atau tenggelam dan juga memberi tawaran terbaik kepada Agensi. Tawaran yang diterima dalam nilai ringgit akan ditukarkan kepada barangan yang setara dengan nilai tersebut. Pembida dibenarkan mengambil alat kelengkapan bot seperti enjin, janakuasa dan kelengkapan elektronik bot lucut hak tersebut. Kaedah pelupusan secara barter trade ini memberi keuntungan kepada Agensi. Aplikasi / kegunaan Projek: pengurusan aset
29	Kumpulan Aero KIK Tahun 2018 Mewakili Stesen Udara Maritim Subang (SUMS) Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Muhammad bin Saad muhammadsaad@mmea.gov.my	Tajuk: Mengatasi kesukaran menarik & memasukkan pesakit dari stretcher ke dalam pesawat Masalah yang dikaji adalah kesukaran menarik dan memasukkan stretcher dan pesakit ke dalam kabin pesawat / helikopter semasa operasi menyelamatkan. Kumpulan Aero telah mencipta sejenis alat yang dinamakan Aero Pulling Stretcher (APS) bagi memudahkan krew yang berada di dalam kabin pesawat / helikopter untuk menarik pesakit ke dalam pesawat. Jumlah bebanan yang mampu ditarik sebanyak 200kg. APS diperbuat daripada keluli dan bahan-bahan mudah

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		diperolehi dengan anggaran kos RM229. Aplikasi / kegunaan Projek: helikopter / pesawat
30	Kumpulan Southern Delphinidae KIK Tahun 2018 Mewakili MN Johor Ketua Kumpulan: Lt Kdr (M) Haw Vui Fung hawvf@mmea.gov.my	Tajuk: Vessel Documents Inspection Checklist (VDIC) Masalah yang dikaji adalah bahan rujukan ketika melaksanakan operasi amat kurang atau sukar diperolehi. Adalah tidak relevan untuk anggota APMM membawa sumber rujukan bercetak yang banyak dan berat ketika operasi kerana terdedah kepada elemen cuaca seperti hujan dan ombak laut. Walau bagaimanapun, sumber rujukan seperti akta dan SOP amat penting ketika menjalankan tugas kerana kesilapan seperti salah guna kuasa, kekurangan bahan bukti hendaklah dielakkan daripada menjejaskan operasi. Kumpulan Southern Delphinidae telah mewujudkan satu laman web sebagai sumber rujukan yang boleh diakses secara online dengan menggunakan aplikasi Wordpress. Alamat rujukan tersebut adalah http://vdicmmea.wordpress.com Aplikasi / kegunaan Projek: operasi
31	Kumpulan Helang Utara KIK Tahun 2018 Mewakili MN Kedah & Perlis Ketua Kumpulan: Encik Chiang Yuh Yee chiangyuhyee@mmea.gov.my	Tajuk: I-QUES Masalah yang dikaji adalah kesukaran mengangarkan tahap keberkesanan penyampaian maklumat berkenaan Agensi menerusi pameran-pameran kerjaya yang dilaksanakan. Di antara sebabnya pengunjung tidak berminat lagi mengisi borang kaji selidik secara manual (kertas). Kumpulan Helang Utara telah membangunkan I-QUES dengan menggunakan aplikasi Quizizz.com. Ianya berorientasikan penilaian berformat yang menyelitkan elemen santai /

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
		menghiburkan untuk pengunjung lebih berminat menjawab soalan menggunakan telefon masing-masing. Aplikasi / kegunaan Projek: pameran Agensi / pengurusan komunikasi korporat
32	Kumpulan Alpha KIK Tahun 2018 Mewakili MN Sarawak Ketua Kumpulan: LTM (M) Mohammad Fauzi bin Abdul Jalil fauzijalil@mmea.gov.my	Tajuk: Flexible Stanction Masalah yang dikaji adalah stanchion (tiang tepi kapal) yang terdedah kepada kerosakan serius, patah dan bengkok apabila kapal merapat ke kapal lain. Kos membaiki tiang stanchion adalah RM500 per tiang. Kumpulan Alpha telah mencipta flexible stanchion yang berupaya menyerap impak apabila kapal berhimpit semasa menjalankan tugas. Produk ini tidak memerlukan penyelenggaraan rumit dan anggaran kos sebanyak RM150.00 sahaja. Aplikasi / kegunaan Projek: kapal
33	Kumpulan Ignite Optima KIK Tahun 2018 Mewakili Sektor Pengurusan Ibu Pejabat (BKP) Ketua Kumpulan: Cik Nursyazana bt Muhammad Khalil nursyazana@mmea.gov.my	Tajuk: Book4U Projek Book4u bertujuan untuk meningkatkan penggunaan bahan bacaan dari perpustakaan sebagai sumber rujukan dengan mengambil pendekatan menghantar buku kepada pengguna di Ibu Pejabat APMM. Masalah yang dihadapi adalah perpustakaan kurang digunakan dan bilangan peminjam buku sangat rendah. Kaedah pelaksanaan Book4U adalah pustakawan akan emelkan tajuk buku yang boleh dipinjam kepada semua warga Ibu Pejabat APMM dan buku yang dipilih akan dihantar ke pelanggan oleh pustakawan. Aplikasi / kegunaan Projek: pusat sumber pejabat
34	Kumpulan Conficient	Tajuk: Pengoperasian, Siasatan dan

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
	KIK Tahun 2018 Mewakili MN Kelantan Ketua Kumpulan: Lt Dya (M) Mohd Farez Zawwani bin Yunus mohdfarez@mmea.gov.my	Carilamat yang lebih efisien - Penubuhan Unit Anjing Pengesan Maritim Kumpulan Conficient mencadangkan Penubuhan Unit Anjing Pengesan Maritim bagi membantu penguatkuasaan dan aktiviti carilamat. Unit Anjing Pengesan telah ditubuhkan di Agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Perhutanan Sabah, namun belum dilaksanakan di APMM lagi. Kumpulan Conficient telah menjalankan soal selidik di Maritim Negeri Kelantan ke atas 147 responden bagi mengukur tahap kefahaman individu terhadap unit anjing pengesan, fungsi, matlamat dan kesesuaian penubuhannya di APMM. Ujikaji sebenar (menggunakan anjing) tidak dapat dijalankan kerana kekangan dari segi peralatan persekitaran dan tenaga, sebaliknya data daripada bahan sekunder seperti penulisan, keratan akhbar digunakan. Aplikasi / kegunaan Projek: Bahagian yagn menjalankan siasatan dan carilamat
35	Kumpulan Sektor Logistik KIK Tahun 2018 Mewakili Sektor Logistik Ibu Pejabat (Bhg. Pembangunan) Ketua Kumpulan: Kdr (M) Simon Templer Lo Ak Tusa simon@mmea.gov.my	Tajuk: Injap Kawalan Paras Air Masalah yang dikaji adalah pembaziran air semasa mengisi air di kapal. Kumpulan Sektor Logistik telah mencipta alat yang dinamakan alat injap kawalan paras air untuk menghentikan aliran air apabila air tangki penuh. Anggota tidak perlu menunggu semasa pengisian air dilakukan. Proses kerja terlibat adalah air akan berhenti sendiri apabila tangki penuh, kemudian pili sumber air di jeti ditutup dan injap kawalan paras air boleh dicabut serta hos digulung dan disimpan. Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal

BIL.	MAKLUMAT KUMPULAN	MAKLUMAT PROJEK KIK
36	Kumpulan Kompas Selatan KIK Tahun 2018 Mewakili MN Selangor Ketua Kumpulan: LTM (M) Mohd Yusaini bin Minhat mohdyusaini@mmea.gov.my	Tajuk: Kelewatan Pembekalan Peralatan Alat Ganti Kecil Masalah yang dikaji adalah kelewatan pembekalan alat ganti kecil bagi kapal dan bot. Permasalahan ini berlaku kerana proses permohonan yang berperingkat dan mengambil tempoh masa lama. Kumpulan Kompas Selatan telah mencadangkan penyelesaian dengan mewujudkan bekalan alat ganti kecil di stor logistik Maritim Negeri dan mewujudkan bekalan Onboard Spare (OB) di kapal. Melalui kaedah ini, pembaikan dapat dibuat dengan segera dan dilakukan oleh anggota teknikal kapal / bot sendiri. Aplikasi / kegunaan Projek: Kapal / bot